



PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP3 / MPKangar / 2021 / 01)

WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), adalah dimaklumkan bahawa semua ketetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah terpakai di Negeri Perlis berkuatkuasa mulai 12 Mei 2021 sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sehubungan itu, waktu operasi **aktiviti perniagaan yang dibenarkan** adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk Nota : <i>Penjualan makanan hanya dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja. Dine-in tidak dibenarkan.</i>	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai keperluan harian	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Hospital, klinik dan makmal perubatan	24 jam
Kedai farmasi	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Stesen minyak Nota : <i>Stesen minyak di lebuh raya boleh beroperasi sehingga 24 jam.</i>	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Klinik haiwan dan kedai makanan haiwan	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kedai dobi, dobi layan diri, kedai cermin mata, pusat cuci kereta, kedai gunting rambut dan salon (perkhidmatan gunting rambut sahaja)	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Lain-lain aktiviti yang diberikan kelulusan oleh Kementerian / Agensi / PBT	6.00 pagi hingga 10.00 malam
<i>Bazar Ramadan</i>	2.00 petang hingga 8.00 malam
<i>Bazar Aidilfitri</i>	10.00 pagi hingga 10.00 malam

Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani SEDIA ADA Anjuran Majlis Perbandaran Kangar Atau Pihak Swasta

Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani sedia ada dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan. Waktu operasi pasar yang dibenarkan adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Pasar pagi / pasar tani	7.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar borong	4.00 pagi hingga 9.00 pagi
Pasar basah	6.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar malam	4.00 petang hingga 10.00 malam

Untuk maklumat lanjut mengenai SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sila layari : <https://www.mkn.gov.my>

Sekian, terima kasih.

Arahan,

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
12 MEI 2021**